

Headline **Lima janji niaga bernilai RM5.3 bilion dimeterai**  
Date **20. May 2008** Language **MALAY**  
Media Title **Berita Harian** Page No **20**  
Section **Ekonomi** Article Size **321** cm2  
Circulation **217920** Frequency **Daily**  
Readership **2083000** Color **Full Color**



# Lima janji niaga bernilai RM5.3 bilion dimeterai

Perjanjian perdagangan, pelaburan babitkan firma tempatan, asing

Laporan Zainab Mohd Yatim,  
Azli Ayob, Ahmad Feisal  
Othman, Shahrizan Salian,  
Mohamed Farid Noh

**L**IMA perjanjian membabitkan janji niaga perdagangan dan pelaburan bernilai AS\$1.65 bilion (kira-kira RM5.3 bilion) antara syarikat tempatan dan luar negara dimeterai pada Kongres Teknologi Maklumat Dunia 2008 (WCIT 2008) di Kuala Lumpur semalam.

Perjanjian pertama membabitkan pelantikan iTopia, sebuah syarikat pembangunan aplikasi dan pakar runding teknologi maklumat (IT) tempatan sebagai penyedia perkhidmatan dalam bidang penyediaan kandungan dan e-prasarana kepada peminat hartanah bandar pintar, Knowledge Economic City Al Madinah (KEC) di Arab Saudi.

Menerusi perjanjian berkenaan, iTopia antara lain akan membekalkan perkhidmatan kawalan mutu dalam reka bentuk sistem serta pendekatan yang akan diguna dan dilaksanakan dengan mengkaji semula



semua komponen projek teknologi di KEC.

Perjanjian kedua adalah antara Mimos Bhd dan Microsoft Malaysia yang mana Microsoft Malaysia akan menubuhkan Pusat Inovasi Microsoft (MIC) di Taman Teknologi Mimos.

Tujuan penubuhan pusat itu adalah bagi mempercepatkan inovasi dalam bidang perisian tempatan yang mana hasil daripada inovasi yang bakal dibangunkan di pusat itu boleh

dimanfaatkan komuniti akademik, institusi penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta syarikat pembangunan perisian tempatan.

Ia sekali gus diharap dapat membangun dan memantapkan lagi ekosistem atau kitaran dalam industri perisian tempatan.

Perjanjian ketiga pula membabitkan MSC Cyberport Sdn Bhd dan Sunil Mantri Group yang mana peminat hartanah utama dari India itu akan membangunkan bandar raya siber dikenali MSC Cyberport City di kawasan seluas 60 hektar di Kulai, Johor yang turut terletak dalam wilayah Iskandar Malaysia.

Nilai pembangunan kasar (GDV) projek itu adalah RM1.16 bilion.

Sementara itu, Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar Malaysia (Irda) dan Multimedia Development Corporation (MDeC) memeterai perjanjian bagi menggalakkan inisiatif pemasaran program inkubator dan penajaan idea.

Pikom pula memeterai perjanjian dengan 10 entiti berasingan berkisar kepada inisiatif mengurangkan jurang digital di kalangan rakyat Ma-

aysia menerusi 'Projek Menguasai Aplikasi Internet dan PC' atau m.a.i.n.p.c.

Majlis pemeteraian perjanjian berkenaan disaksikan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang sebelum itu merasmikan MCIT 2008.

Turut berlangsung semalam ialah majlis pertukaran dokumen bagi perjanjian niaga bernilai AS\$1.3 bilion yang dimeterai pada Mesyuarat IAP MSC Malaysia yang berlangsung baru-baru ini.

Hadir sama pada majlis semalam ialah Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Maximus Ongkili; Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman; Ketua Eksekutif MDec, Datuk Badlisham Ghazali dan Pengerusi Perikatan Perkhidmatan Teknologi Maklumat Dunia (WIT-SA), George Newstrom.

Mengikuti laporan International Data Corp (IDC), industri teknologi maklumat Malaysia dijangka menyumbang RM17.6 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) untuk tempoh empat tahun akan datang.